

Prospektus

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM

**Program Siswazah
2024/2025**

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600, Bangi
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Fakulti
**Sains Sosial
& Kemanusiaan**
Faculty of Social Sciences & Humanities, UKM

4

Perutusan Dekan

Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub

5-6

Ranking

QS World Ranking 2023

7-8

Latar Belakang

FSSK

9-49

Program Siswazah

Senarai program yang ditawarkan

51-57

Program Bersama

Senarai program yang ditawarkan

58

Syarat Kemasukan

Program Sarjana

59

Syarat Kemasukan

Program Kedoktoran

60

MUET

English Language

Proficiency Requirement

61

Cara Permohonan

join.ukm.my

PROSPEKTUS

FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN | UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



**Isi Kandungan /
Contents**

>> Perutusan Dekan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) beritizam untuk melahirkan masyarakat pemikir khususnya kepada generasi-generasi muda. Ahli akademik, kakitangan pentadbiran dan alumni -alumni FSSK bertekad sama-sama mendukung matlamat fakulti. Sekiranya anda terpilih, anda adalah insan hebat yang terpilih untuk terus menggali ilmu di dalam sebuah universiti terbaik di Malaysia.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan merupakan fakulti terawal yang ditubuhkan semasa penubuhan UKM. Secara fitrahnya, usia FSSK yang sudah melebihi 50 tahun kekal komited sebagai fakulti yang melahirkan graduan profesional yang berpengetahuan, kompeten, kreatif dan beramanah dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan.

FSSK menawarkan kepada para pelajar ilmu pengetahuan dan pengalaman melalui pelbagai kursus dan program yang berteraskan ilmu sains sosial dan kemanusiaan. Suasana pembelajaran yang kondusif selaras dengan misi fakulti untuk membentuk satu tahap pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang unggul serta turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara dalam konteks intelektual.

Staf akademik yang profesional dan penuh pengalaman sentiasa komited mempersiapkan graduan mencapai objektif pengajian melalui kurikulum yang terkini dengan memberi penekanan kepada kaedah pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Budaya penyelidikan berimpak tinggi di FSSK menjadi bukti kejayaan menerusi geran penyelidikan peringkat nasional dan antarabangsa, kolaborasi penyelidikan bersama industri, penerbitan jurnal berimpak tinggi dan perkongsian kepakaran.

Demi menjunjung aspirasi universiti watan, FSSK sentiasa mengamalkan nilai TERAS yang memayungi kebitaraan universiti dengan penuh tekad dan keazaman bagi melonjakkan momentum kecemerlangan pendidikan tinggi negara. Sebagai bakal pelajar di FSSK, rebutlah peluang untuk menjadi graduan yang holistik agar dapat menyumbang kepada agama, bangsa dan negara. Jadikan prospektus ini sebagai asas rujukan dalam meniti hari-hari mendatang sebagai seorang mahasiswa dan mahasiswi di FSSK.

Semoga terus mencipta kejayaan akademik di universiti dan seterusnya menjadi generasi muda pewaris bangsa, yang dapat menggalas kepimpinan negara pada masa hadapan dan memastikan kelestarian kampus terus terjamin.

Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub
Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

“



PROSPEKTUS

FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN | UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Program Siswazah
2024/2025



>> FSSK, Fakulti Pilihan Anda !

Peneraju bidang sains sosial dan kemanusiaan di Malaysia.

Salah satu universiti yang berintensifkan penyelidikan terbesar di Malaysia.

UKM terlibat dalam penyelidikan bertaraf dunia merentasi pelbagai disiplin.

Salah satu daripada 150 universiti teratas di dunia/QS World University Rankings 2020.

>> Budaya Penyelidikan Berimpak Tinggi di FSSK

FSSK komited untuk menjadikan penyelidikan berimpak tinggi sebagai satu budaya yang akan terus diamalkan dalam kalangan pelajar dan ahli akademik. Kejayaan telah dibuktikan apabila penyelidik FSSK mampu untuk cemerlang di dalam bidang berikut :

Geran penyelidikan peringkat nasional dan antarabangsa

Kolaborasi penyelidikan bersama industri

Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi

Pakar rujukan di dalam bidang Sains Sosial & Kemanusiaan



Susur Galur FSSK

1970 Fakulti Sastera

Fakulti Sastera adalah merupakan salah satu daripada 3 buah fakulti terawal yang ditubuhkan di UKM.

Jabatan-jabatan yang wujud pada ketika ini adalah seperti Jabatan Bahasa & Kesusasteraan Melayu, Jabatan Ekonomi & Perdagangan, Jabatan Sejarah, Jabatan Geografi, Jabatan Antropologi & Sosiologi serta Unit Bahasa-bahasa

1975 & 1976 Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan (FSKK)

Fakulti Sastera distruktur menjadi Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan (FSKK). Beberapa jabatan seperti Jabatan Ekonomi & Perdagangan dikembangkan menjadi fakulti.

2001-kini Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)

Pada 15 November 2001, Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan (FSKK), Fakulti Pengajian Bahasa serta Fakulti Sains Pembangunan digabungkan dan menjadi Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)

1975 & 1976 Penambahan Jabatan Baharu

Jabatan-jabatan baharu diwujudkan seperti Jabatan Komunikasi pada tahun 1975 dan Jabatan Sains Politik pada tahun 1976

1980 IBKKM

Jabatan Bahasa & Kesusasteraan Melayu dinaiktaraf menjadi Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu (IBKKM) Kini dikenali sebagai Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)

6 Bidang Sains Sosial & Kemanusiaan

FSSK terdiri daripada enam cabang rumpun sains sosial dan kemanusiaan iaitu media dan komunikasi, psikologi dan kesejahteraan manusia, bahasa dan linguistik, bahasa kesusasteraan dan kebudayaan Melayu, Sejarah, Politik hubungan antarabangsa serta sosial, pembangunan dan persekitaran





>> Latar Belakang FSSK

Misi

Memangkin dan mencetus pemikiran terkini dalam pembentukan peradaban bangsa.

Visi

Membentuk suasana penjaan ilmu terkamil untuk pembangunan insan yang bergerak seiring dengan arus dalam acuan kebangsaan.

Strategi

- Fakulti akan berusaha mencapai wawasan, misi dan matlamatnya melalui usaha pendidikan, penyelidikan, penerbitan dan perundingan yang dirancang secara sepadu.
- Program pendidikan yang bersepadu yang bukan sahaja menekankan pengajaran tetapi juga membentuk graduan yang berfikiran kritis, bermoral, mempunyai kemahiran berkomunikasi, dan celik dalam bidang teknologi maklumat.
- Mewujudkan budaya penyelidikan melalui malim sarjana dan penyelidikan yang intergratif untuk menghasilkan penemuan, idea dan rumusan yang boleh memberi implikasi dasar dan memperluaskan ilmu asas.
- Meningkatkan aktiviti seminar, bengkel, wacana untuk menghasilkan bahan-bahan untuk menjadi asas penerbitan sama ada di peringkat lokal, nasional atau antarabangsa.
- Mengetengahkan kepakaran penyelidikan dan perundingan dalam bidang-bidang utama melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan.

Matlamat

- Melahirkan siswazah luwes dan mempunyai ciri profesional yang relevan dan boleh pasar serta bersifat pembelajar seumur hidup.
- Menjana, menyebarkan dan mengkhazanah ilmu di peringkat global yang beracuan kebangsaan.
- Memajukan siswazah yang mengimbangi ilmu asas dan gunaan.
- Menyumbangkan kepakaran dalam pelaksanaan pembetulan dasar dan program yang bertaraf kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Program **Siswazah**

Program Siswazah yang ditawarkan



Kajian Bahasa Melayu

Malay Language Studies

Sarjana Sastera / Master of Arts
Sarjana Falsafah / Master of Philosophy
Doktor Falsafah / Doctor of Philosophy

✓ **Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?**

Program ini menawarkan kajian di dalam bidang linguistik Bahasa Melayu yang menyumbang kepada keilmuan secara kompetitif, komprehensif dan holistik. Penawaran program ini dapat memenuhi keperluan dan tuntutan semasa pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, industri, komuniti dan badan bukan kerajaan.

This program offers a field of Malay language linguistics that contributes knowledge in a competitive, comprehensive, and holistic manner. The program's offerings can meet the current needs and demands of stakeholders, including government agencies, industries, communities, and non-governmental organizations.

✓ **Prospek Kerjaya / Career Prospect ?**

Program ini berpotensi melahirkan graduan untuk kerjaya seperti pensyarah, pentadbir, pegawai perancang bahasa, wartawan, penterjemah, pembaca pruf, editor, pakar runding bahasa, juru bahasa dan pegawai penyelidik.

This program has the potential to produce graduates who can pursue careers as lecturers, administrators, language planners, journalists, translators, proofreaders, editors, language consultants, linguists, and researchers.



✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Program ini meneroka aspek linguistik Bahasa Melayu yang merangkumi rumpun alam Melayu sesuai dengan perkembangan semasa yang mendukung hasrat Dasar Bahasa Kebangsaan.

This program explores the linguistic aspects of the Malay language, encompassing the broader Malay world in line with current developments that support the goals of the National Language Policy.

✓ Kepakaran / Experts

Program ini dikendalikan oleh pakar dalam bidang linguistik Melayu yang sering menjadi pakar rujuk di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

This program is conducted by experts in the field of Malay linguistics who often serve as national and international reference experts.

✓ Impak Komuniti / Community Impact

Program ini memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan secara menyeluruh dalam merealisasikan perpaduan nasional dan kekal relevan seiring dengan pembangunan negara.

This program promotes the Malay language as the national language comprehensively in realizing national unity and remains relevant in line with the country's development.





Kesusasteraan Melayu

Malay Literature

Sarjana Sastera / *Master of Arts*
Sarjana Falsafah / *Master of Philosophy*
Doktor Falsafah / *Doctor of Philosophy*

✔ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Program ini menawarkan bidang kajian kesusasteraan Melayu yang kompetitif, komprehensif dan holistik. Penawaran program ini dapat memenuhi keperluan dan tuntutan semasa pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, industri, komuniti dan badan bukan kerajaan.

This program offers a competitive, comprehensive, and holistic field of study in Malay literature. The program's offerings can meet the current needs and demands of stakeholders such as government agencies, industries, communities, and non-governmental organizations.

✔ Prospek Kerjaya / Career Prospect ?

Program ini berpotensi melahirkan pelajar yang berkerjaya sebagai pensyarah, guru, pentadbir, pegawai kebudayaan, pegawai perancang bahasa, wartawan, penterjemah, pembaca pruf, editor, penulis, juru bahasa, pegawai penyelidik dan pengkaji manuskrip.

This program has the potential to produce students who can pursue careers as lecturers, teachers, administrators, cultural officers, language planners, journalists, translators, proofreaders, editors, writers, language experts, research officers, and manuscript researchers.

✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Program ini berterasaskan falsafah dan nilai tradisi Melayu yang menggabungkan antara ilmu dan amalan bagi menyediakan modal insan yang kreatif dan inovatif dalam bidang kesusasteraan Melayu serta mempunyai daya saing yang kuat hubungannya dalam pembangunan negara.

This program is based on the philosophy and values of Malay tradition, combining knowledge and practices to provide creative and innovative human capital in the field of Malay literature. It aims to produce graduates who are highly competitive and have strong relevance to the country's development.

✓ Kepakaran / Experts

Program ini dikendalikan oleh pakar-pakar dalam bidang kesusasteraan Melayu tradisional dan moden yang sering menjadi rujukan oleh pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, industri, komuniti dan badan bukan kerajaan. Pakar-pakar tersohor ini mendapat pengiktirafan bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga serantau dan antarabangsa.

This program is conducted by experts in the field of both traditional and modern Malay literature, who are often referred to by stakeholders such as government agencies, industries, communities, and non-governmental organizations. These renowned experts are recognized not only at the national level but also regionally and internationally.

✓ Impak Komuniti / Community Impact

Program ini menyumbang ke arah melestarikan khazanah warisan Melayu dalam konteks kesusasteraan Melayu tradisional dan kesusasteraan Melayu moden agar kekal relevan dalam pembangunan negara selari dengan aspirasi UKM sebagai universiti watan serta kerangka dasar dan falsafah Malaysia Madani.

This program contributes to the preservation of the Malay heritage in the context of both traditional and modern Malay literature to ensure its continued relevance in the nation's development. It aligns with UKM's aspiration as a national university and the framework and philosophy of Malaysia Madani.



Pengurusan Persembahan Seni

Performance Arts Management

Sarjana Sastera / *Master of Arts*
Sarjana Falsafah / *Master of Philosophy*
Doktor Falsafah / *Doctor of Philosophy*

✔ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Program ini menawarkan penerokaan ilmu dalam bidang kebudayaan dan kesenian di alam Melayu yang berteraskan disiplin sains sosial dan kemanusiaan. Penawaran program ini dapat memenuhi keperluan dan tuntutan semasa pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, industri, komuniti dan badan bukan kerajaan.

This program offers an exploration of knowledge in the field of culture and the arts in the Malay world based on social science and humanities disciplines. The program's offerings can meet the current needs and demands of stakeholders such as government agencies, industries, communities, and non-governmental organizations.

✔ Prospek Kerjaya / Career Prospect ?

Pelajar yang mengikuti program ini berpotensi menceburi kerjaya dalam bidang kebudayaan dan kesenian sebagai pegawai kebudayaan dan kesenian, pegawai muzium dan warisan, pegawai pengurusan acara, pegawai penyelidik, pentadbir, pensyarah, pakar perunding, pengarah teater serta aktivis budaya dan seni.

Students who follow this program have the potential to pursue careers in the field of culture and the arts as cultural and arts officers, museum and heritage officers, event management officers, researchers, administrators, lecturers, consultants, theater directors, as well as cultural and artistic activists.

✔ Keunikan Program / Highlight of this program

Program ini menggabungkan dua disiplin iaitu sains sosial dan kemanusiaan yang bersepadu membentuk satu bidang ilmu yang holistik dalam meneroka ilmu kebudayaan, kesenian dan warisan Melayu.

This program integrates two disciplines, namely social sciences and humanities, into a comprehensive field of study in exploring the culture, arts, and heritage of the Malay community.



✓ **Kepakaran / Experts**

Program ini dikendalikan oleh pakar dalam bidang kebudayaan, kesenian dan warisan Melayu yang sering menjadi rujukan oleh pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, industri, komuniti dan badan bukan kerajaan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa. Pakar-pakar ini juga sering muncul di media massa dalam membincangkan isu-isu semasa berkaitan kebudayaan, kesenian dan warisan Melayu.

This program is led by experts in the field of Malay culture, arts, and heritage who are frequently referenced by stakeholders, including government agencies, industries, communities, and non-governmental organizations at both the national and international levels. These experts also often appear in the mass media to discuss current issues related to Malay culture, arts, and heritage.

✓ **Impak Komuniti / Community Impact**

Program ini melestarikan kebudayaan, kesenian dan warisan Melayu dengan melahirkan pakar dan aktivis budaya serta seni yang dapat dimanfaatkan oleh komuniti.

Dari segi pendidikan, bidang ini dapat memupuk bakat dan minat dalam jangka masa panjang supaya memiliki ciri insan yang memiliki seni dan budaya, mempunyai citarasa seni yang tinggi dan kreatif. Dalam konteks sebagai guru yang mengajar di sekolah, pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kemahiran yang pelbagai serta mengintegrasikan unsur-unsur lain seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan supaya menjadi lebih berkesan dan kreatif. Dari segi pendidikan, bidang ini dapat memupuk bakat dan minat dalam jangka masa panjang supaya memiliki ciri insan yang memiliki seni dan budaya, mempunyai citarasa seni yang tinggi dan kreatif. Dalam konteks sebagai guru yang mengajar di sekolah, pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kemahiran yang pelbagai serta mengintegrasikan unsur-unsur lain seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan supaya menjadi lebih berkesan dan kreatif.

This program preserves Malay culture, arts, and heritage by producing experts and cultural and artistic activists who can benefit the community.





English Language Studies

Pengajian Bahasa Inggeris

Sarjana Sastera / Master of Arts
Sarjana Falsafah / Master of Philosophy
Doktor Falsafah / Doctor of Philosophy

✔ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Program Pengajian Bahasa Inggeris menawarkan ijazah yang mengutamakan pengetahuan dan kemahiran yang selaras dengan keperluan dan aspirasi negara menghadapi Revolusi Industri yang ke-4 (IR 4.0).

Program ini akan meningkatkan kesedaran anda tentang amalan penggunaan bahasa dan penggunaannya dalam pelbagai keadaan. Ia memfokuskan pada meningkatkan kapasiti anda untuk menjalankan penilaian terhadap penyelidikan semasa serta penyelesaian masalah dalam projek dunia sebenar dan kajian kes. Di samping itu, program ini membincangkan konsep-konsep asas dan cabaran dalam pemerolehan, penggunaan, pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.

The English Language Studies programme provides students with knowledge and skills that are in line with the needs and aspirations of the country that are essential for the 4th Industrial Revolution.

This programme will increase your awareness of language use practices and their use in various circumstances. It focuses on increasing your capacity to conduct evaluations of current research as well as problem-solving in real-world projects and case studies. In addition, this programme presents fundamental concepts and challenges in English acquisition, use, teaching, and learning.

✔ Prospek Kerjaya / Career Prospect ?

Program ini menyediakan peluang untuk anda menyertai pelbagai bidang kerjaya, seperti pendidikan dan latihan, pembangunan kurikulum, penyelidikan, penyiaran, penerbitan, kritikan sastera, pengiklanan, pemasaran, kewartawanan, komunikasi, dan perundingan Bahasa Inggeris atau linguistik.

Sebagai seorang pelajar siswazah, anda juga berpeluang merealisasikan potensi sebagai seorang penyelidik yang berwibawa dengan menyertai pelbagai aktiviti pembangunan kemahiran penyelidikan yang dikelolakan oleh program ini.

This programme will prepare you for a variety of careers, such as teaching and training, curriculum development, research, broadcasting, publishing, literary criticism, advertising, marketing, publishing, journalism, communications, and English language or linguistic consultancy.

In this programme, we will also encourage you to reach your full potential as postgraduate students and become the best researcher you can be by participating in our research development activities, which will enable you to experience both personal and professional growth.

✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Sebagai bahasa yang paling kerap dituturkan di dunia dan digunakan di kebanyakan negara yang berbeza, kajian Bahasa Inggeris boleh memberikan anda kemahiran dan ilmu yang diperlukan untuk cemerlang dalam persekitaran global. Selain itu, program pengajian ini merupakan disiplin yang luas dan boleh menggabungkan ilmu daripada linguistik, kesusasteraan, sosiologi, pengajian media dan bidang lain. Ini membolehkan anda belajar dari pelbagai perspektif sambil membangunkan kesedaran luas tentang Bahasa Inggeris dan bagaimana ia beroperasi di dunia.

Untuk membantu para pelajar siswazah dalam usaha menerbitkan hasil kajian, program ini juga menyediakan dua jurnal penyelidikan yang diindeks dalam WOS and Scopus, iaitu Gema Online Journal of Language Studies, dan 3L: Language, Linguistics, Literature.

Since English is the most frequently spoken language in the world and it is used in many different countries, English language studies can provide you with the skills and knowledge you need to excel in today's globalised environment. In addition, it is a broad and interdisciplinary discipline which incorporates ideas from linguistics, literature, sociology, media studies and other disciplines. This allows you to learn a range of perspectives towards issues in the world while also developing a wide awareness of the English language and how it operates in the world.

Postgraduate students in this programme receive very strong publication support from the programme as the Centre for Research in Language and Linguistics hosts two WOS and Scopus indexed research journals. These are Gema Online Journal of Language Studies and 3L: Language, Linguistics, Literature.

✓ Impak Komuniti / Community Impact

Program pengajian Bahasa Inggeris boleh memberi impak yang besar kepada masyarakat. Program ini memberi peluang kepada calon siswazah untuk meningkatkan peluang kerjaya, mendapat akses kepada pendidikan dan melibatkan diri sepenuhnya di dalam hal ehwal sosial dengan pengetahuan saintifik Bahasa Inggeris yang mereka miliki.

Program ini juga mengamalkan jalinan kerjasama yang erat dengan pelbagai organisasi kerajaan, syarikat antarabangsa, serta institusi akademik tempatan dan antarabangsa. Hubungan dua hala yang erat ini memberikan impak positif kepada komuniti.

The English Language Studies programmes can have a tremendous impact on the community. It can assist our postgraduate candidates to enhance their career opportunities, gain access to education and healthcare, and engage more fully in social affairs with the scientific knowledge of the English language that they are equipped with.

We also work closely with a range of organisations that include government bodies and global businesses, as well as local and international academic and non-academic institutions. These connections give our research programmes a greater, more immediate impact to the community.

✓ Kepakaran / Experts

Kakitangan program ini mempunyai pengalaman dan kepakaran yang luas di dalam dunia akademik:

Prof. Madya Dr. Nor Fariza Binti Mohd Nor

Discourse Analysis; Critical Discourse Analysis; Pragmatics; Digital Humanities (Digital Communication)

Prof. Madya Dr. Khazriyati Salehuddin

Psycholinguistics; Language and Cognition

Prof. Madya Dr. Afendi Hamat

Technology Enhanced Learning; Learning Systems Design; E-Learning

Dr. Kesumawati A. Bakar (Head of Program)

Multimodality; Gender and Identity Studies; Corpus-based Discourse Analysis

Dr. Azianura Hani Shaari

Sociolinguistics; Gender Studies; Language and Culture; Language and Crime

Dr. Nurjanah Mohd Jaafar

Representational Learning; Socio-Affective Factors in Second Language Learning

Puan Fuzirah Hashim

English for Specific Purposes; Workplace communication; Corpus study

Our academic staff are known for their vast experience in academia and are well equipped with a wide range of expertise:

Assoc. Prof. Dr. Nor Fariza Binti Mohd Nor

Discourse Analysis; Critical Discourse Analysis; Pragmatics; Digital Humanities (Digital Communication)

Assoc. Prof. Dr. Khazriyati Salehuddin

Psycholinguistics; Language and Cognition

Assoc. Prof. Dr. Afendi Hamat

Technology Enhanced Learning; Learning Systems Design; E-Learning

Dr. Kesumawati A. Bakar (Head of Program)

Multimodality; Gender and Identity Studies; Corpus-based Discourse Analysis

Dr. Azianura Hani Shaari

Sociolinguistics; Gender Studies; Language and Culture; Language and Crime

Dr. Nurjanah Mohd Jaafar

Representational Learning; Socio-Affective Factors in Second Language Learning

Puan Fuzirah Hashim

English for Specific Purposes; Workplace communication; Corpus study



Linguistik

Linguistics

Sarjana Sastra / *Master of Arts*
Sarjana Falsafah / *Master of Philosophy*
Doktor Falsafah / *Doctor of Philosophy*

✓ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Linguistik ialah bidang multidisiplin yang boleh menjurus kepada pelbagai pilihan profesional dan penyelidikan. Terdapat beribu-ribu bahasa di seluruh dunia dan program ini menyediakan forum untuk mengkaji dan memelihara kepelbagaian linguistik. Tambahan pula, mempelajari linguistik boleh membantu anda mengembangkan kesedaran budaya dan memahami cara bahasa membentuk dan dibentuk oleh budaya dan masyarakat.

Linguistics is a multidisciplinary area that can lead to a variety of professional and research options. There are thousands of languages all over the world and this programme provides a forum for studying and preserving linguistic diversity. Furthermore, studying linguistics can help you develop cultural awareness and comprehend how language shapes and is shaped by culture and society.

✓ Prospek Kerjaya / Career Prospect ?

Graduan lulusan program ini dapat memenuhi pelbagai jawatan dalam pasaran pekerjaan seperti dalam bidang pendidikan, penterjemahan, pentadbiran dan pengurusan.

Graduan program ini juga boleh bekerja sebagai penterjemah/ jurubahasa, penyunting dan penerbit, pakar perunding dan pemeliharaan bahasa, guru/pensyarah, penyelidik, penganalisis linguistik, perunding, pakar patologi pertuturan atau ahli terapi pertuturan.

Graduates of the Linguistics programme are able to fill a wide range of positions in the employment market especially in the fields of education, translation, public administration and management.

Graduates of this programme can work as translators/interpreters, editors and publishers, language documentation and preservation specialists, teachers/lecturers, researchers, linguistic analysts, consultants and speech pathologists or therapists.

Kakitangan program ini mempunyai pengalaman dan kepakaran yang luas di dalam dunia akademik:

Profesor Madya Dr. Fazal Mohamed Mohamed Sultan

Sintaksis Austroasiatik & Austronesia; Bahasa Terancam dan Geolinguistik

Profesor Madya Dr. Mohammad Fadzeli Jaafar

Stilistik; Sintaksis; Sosiolinguistik

Profesor Madya Dr. Mohamed Zain Sulaiman

Pengajian Terjemahan

Profesor Madya Dr. Ashinida Aladdin

Bahasa Arab

Dr. Azhar Jaludin

Bahasa Inggeris untuk Tujuan Spesifik; Linguistik Komputeran; Psikolinguistik; Linguistik Korpus

Dr. Harishon Radzi

Morfologi; Geolinguistik; Linguistik dan Komunikasi

Dr. Intan Safinaz Zainudin

Pengajian Terjemahan

Dr. Siti Noraini Hamzah

Geolinguistik; Semantik

Dr. Anis Nadiah Che Abdul Rahman

Linguistik Korpus, Semantik, Semantik Politik.

Dr. Mohamad Azlan Mis

Sosiolinguistik; Dialektologi

Dr. Sharifah Raihan Syed Jaafar

Fonologi Teoretikal dan Morfologi

Dr. Ng Lay Shi

Bahasa Cina

Dr. Suziana Mat Saad

Bahasa Perancis

Dr. Normalis Amzah

Bahasa Jepun

Dr. Norhayati Alias

Bahasa Sepanyol

Our academic staff are known for their vast experience in academia and are well equipped with a wide range of expertise:

Assoc. Prof. Dr. Fazal Mohamed Mohamed Sultan

Austroasiatic & Austronesian Syntax; Endangered Languages and Geolinguistics.

Assoc. Prof. Dr. Mohammad Fadzeli Jaafar

Stylistics; Syntax; Sociolinguistics.

Assoc. Prof. Dr. Mohamed Zain Sulaiman (Head of Unit)

Translation studies.

Assoc. Prof. Dr. Ashinida Aladdin

Arabic

Dr. Azhar Jaludin

English for Specific Purposes; Computational Linguistics; Psycholinguistics; Corpus Linguistics.

Dr. Harishon Radzi

Morphology; Geolinguistics; Linguistics and Communication.

Dr. Intan Safinaz Zainudin

Translation studies.

Dr. Mohamad Azlan Mis

Sociolinguistics; Dialectology.

Dr. Sharifah Raihan Syed Jaafar

Theoretical Phonology; Morphology.

Dr. Siti Noraini Hamzah

Geolinguistics; Semantics.

Dr. Anis Nadiah Che Abdul Rahman

Corpus Linguistics, Semantics, Political Semantics.

Dr. Ng Lay Shi

Chinese

Dr. Suziana Mat Saad

French

Dr. Normalis Amzah

Japanese

Dr. Norhayati Alias

Spanish



✔ Impak Komuniti / Community Impact

Program linguistik memberi sokongan kepada masyarakat dengan memelihara dan memupuk kepelbagaian linguistik, mempertingkatkan komunikasi dan pengajaran bahasa, dan membangunkan pemahaman budaya. Ahli bahasa dan graduan linguistik kerap terlibat dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan, kebolehcapaian dan kepelbagaian masyarakat.

Program ini akan menyumbang dalam pembangunan masyarakat dan mengisi permintaan pasaran yang memerlukan tenaga pekerja mahir yang celik ilmu, celik budaya dan celik teknologi.

The Linguistics programme supports the community by preserving and cultivating linguistic diversity, facilitating communication and language teaching, and developing cultural understanding. Linguists and linguistics graduates are frequently involved in efforts to improve community well-being, accessibility, and diversity.

This programme will contribute to the development of the community and fulfill market demand that requires skilled workers who are not only knowledgeable but also culturally and technologically literate.

✔ Keunikan Program / Highlight of this program

Program linguistik memberi peluang kepada pelajar siswazah untuk meneroka dan memahami bahasa dari perspektif saintifik dan analitikal. Program ini menyediakan rangkaian pengkhususan yang luas, termasuk bidang sintaksis, semantik, fonetik, fonologi, sosiolinguistik, psikolinguistik dan geolinguistik yang menumpukan kepada penyelidikan yang terkini untuk menambah kepada korpus ilmu pengetahuan dalam bidang tersebut. Tambahan pula, mempelajari linguistik menggalakkan penghayatan yang kuat terhadap kepentingan bahasa dalam budaya dan masyarakat, serta menggalakkan pemahaman dan empati silang budaya.

Untuk membantu para pelajar siswazah dalam usaha menerbitkan hasil kajian, program ini juga menyediakan dua jurnal penyelidikan yang diindeks dalam WOS and Scopus, iaitu Gema Online Journal of Language Studies, dan 3L: Language, Linguistics, Literature.

The linguistics programme provides the opportunity to explore and understand language from a scientific and analytical perspective. This programme provides an extensive range of specialisations, including syntax, semantics, phonetics, phonology, sociolinguistics, psycholinguistics, geolinguistics and more, allowing you to focus on current research, adding to the corpus of knowledge in the field. Furthermore, studying linguistics promotes a strong appreciation for the importance of language in culture and society, encouraging cross-cultural understanding and empathy.

Postgraduate students in this programme receive very strong publication support from the programme as the Centre for Research in Language and Linguistics hosts two WOS and Scopus indexed research journals. These are Gema Online Journal of Language Studies and 3L: Language, Linguistics, Literature.





Psikologi Industri & Organisasi

Industrial & Organizational Psychology

Sarjana Sains Sosial / Master of Social Sciences

✓ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Program psikologi industri dan organisasi memberi tumpuan yang mendalam mengenai pengaplikasian kaedah dan prinsip psikologi untuk memahami tingkah laku manusia di tempat kerja. Selain itu, program ini juga menyediakan pelajar dengan pengetahuan mendalam tentang isu yang berkaitan dengan prestasi dan hubungan manusia dalam organisasi. Pelajar akan mempelajari teknik penilaian yang relevan, teori kepimpinan dan pembangunan kumpulan, strategi pengurusan konflik serta teknik lain untuk meningkatkan keberkesanan dan meningkatkan prestasi di tempat kerja. Di samping itu, program ini merupakan antara program yang terawal diperkenalkan di universiti di Malaysia dan hanya terdapat beberapa universiti yang menawarkan program sarjana seperti ini.

This industrial and organizational psychology program focuses deeply on the application of psychological methods and principles to understand human behavior in the workplace. In addition, the program will also provide students with in-depth knowledge of issues related to performance and human relations in organizations. Students will learn relevant assessment techniques, leadership theory and group development, conflict management strategies, and other techniques to increase effectiveness and improve performance in the workplace. In addition, this program is one of the first IO psychology master's programs to be introduced at universities in Malaysia and there are only a few universities that offer this kind of master's program.



✓ Prospek Kerjaya / Career Prospect ?

Graduan daripada program ini berpeluang untuk menjadi:

- Pakar psikologi perundingan
- Perunding organisasi
- Perunding pembangunan organisasi
- Penyelidik
- Pakar sumber manusia
- Pakar strategi modal insan
- Pelatih korporat
- Penganalisis kerja
- Pakar persekitaran kerja
- Pegawai psikologi

Graduates from this program have the opportunity to become:

- Consulting psychologist
- Organizational consultant
- Organizational development consultant
- Research scientist
- Human resource specialist
- Human capital strategist
- Corporate trainer
- Job analyst
- Work environment specialist
- Psychology officer

✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan ilmu psikologi di dalam bidang industri dan organisasi serta merasai sendiri pengalaman praktikal di organisasi sebenar. Kursus-kursus yang ditawarkan di dalam program ini banyak disulamkan dengan tugas-tugas yang memerlukan pelajar untuk mencari organisasi di luar dan mempraktikkan terus ilmu yang dipelajari di bilik kuliah. Antaranya seperti pengendalian analisis keperluan latihan, menyediakan program kepimpinan, menjalankan analisis keberkesanan organisasi, menganalisis amalan pemilihan personel dan prestasi di organisasi serta banyak lagi. Ketika menjalani praktikum juga, pelajar perlu menggunakan kemahiran dan ilmu ini bagi memenuhi keperluan tugas khas yang telah ditetapkan. Melalui tugas-tugas ini, secara tidak langsung melatih kemahiran perundingan di dalam diri pelajar dan mendedahkan pelajar kepada skop pekerjaan sebagai ahli psikologi industri dan organisasi yang sebenar kelak.

This program gives students the opportunity to apply psychological knowledge in the field of industry and organization and experience practical experience in real organizations. The courses offered in this program are heavily embroidered with tasks that require students to find organizations and directly practice the knowledge learned in the lecture room. Such as conducting training needs analysis, preparing leadership programs, conducting organizational effectiveness analysis, analyzing personnel selection practices and performance, and many more. In addition, during practicum, students need to use these skills and knowledge to meet the requirements of special assignments that have been set. Through these tasks, it indirectly train consultation skills in students and expose them to the job scope of industrial and organizational psychologists.

✓ Impak Komuniti / Community Impact

Program ini mempunyai kepentingan dan sumbangan yang signifikan kepada komuniti terutamanya dalam menghadapi isu kesihatan mental di tempat kerja. Di dalam dunia masa kini di mana terdapat pekerja yang dibebani dengan tuntutan kerja yang berlebihan, ketidak produktifan di tempat kerja, tekanan di tempat kerja, dan sebagainya. Jika perkara ini tidak ditangani dengan baik, semestinya akan meningkatkan peratusan golongan dewasa yang mempunyai kesihatan mental yang semakin merosot. Pengaplikasian ilmu psikologi di tempat kerja bukan sahaja dapat mengurangkan perkara-perkara ini, malah boleh membantu para pekerja untuk merasai keindahan dan kenikmatan dunia pekerjaan. Pekerja yang gembira adalah aset penting bagi organisasi dan dapat meningkatkan keuntungan organisasi.

This program has a significant importance and contribution to the community, especially in dealing with mental health issues in the workplace. In today's world where there are workers who are burdened with excessive work demands, unproductiveness at work, stress at work, etc. If this matter is not dealt with properly, it will necessarily increase the percentage of adults with deteriorating mental health. The application of psychological knowledge in the workplace can not only reduce these things, but can also help employees to feel the beauty and enjoyment of the work world. Happy employees are an important asset for an organization and can increase the organization's profitability.

✓ Kepakaran / Experts

Prof. Madya Dr. Fatimah Wati Halim

Psikologi personel dan personaliti di tempat kerja.

Dr. Nurul-Azza Abdullah

Prestasi dan keberkesanan individu dan organisasi, kecerdasan emosi di tempat kerja serta Islam dan psikologi.

Dr. Norshaffika Izzaty Zaiedy Nor

Latihan di dalam organisasi, latihan ketenteraan dan sikap positif terhadap latihan.

Dr. Daniella Maryam Mohamed Mokhtar

Psikologi kesihatan pekerjaan, buli di tempat kerja dan strategi daya tindak di tempat kerja.

Assoc. Prof. Dr. Fatimah Wati Halim

Personnel psychology and personality at work.

Dr. Nurul-Azza Abdullah

Performance and effectiveness of individuals and organizations, emotional intelligence at work, and Islam and psychology.

Dr. Norshaffika Izzaty Zaiedy Nor

Training in organizations, military training and a positive attitude towards training.

Dr. Daniella Maryam Mohamed Mokhtar

Occupational health psychology, workplace bullying and coping at work.

Counselling.

Psikologi Kaunseling

Counselling Psychology

Sarjana Sains Sosial / Master of Social Sciences

✓ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Psikologi kaunseling memberi tumpuan kepada menyediakan rawatan terapeutik kepada klien yang mengalami pelbagai isu psikologi. Program ini juga merupakan salah satu bidang khusus terbesar dalam psikologi. Ahli psikologi kaunseling bekerja dengan pelbagai jenis individu, termasuk mereka yang mengalami cabaran dan kesukaran yang berkaitan dengan peristiwa tertentu seperti peralihan dalam kehidupan, membuat keputusan, kerja/kerjaya/pendidikan, keluarga, perhubungan sosial, kesihatan mental dan kebimbangan kesihatan fizikal.

Counselling psychology focuses on providing therapeutic treatments to clients who experience a wide variety of issues. It is also one of the largest specialty areas within psychology. They work with many types of individuals, including those experiencing challenges and difficulties associated with life events and transitions, decision making, work/career/education, family, social relationships, mental health and physical health concerns.



✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Program Psikologi Kaunseling direka untuk menyediakan pelajar dengan asas dalam teori dan kaedah psikologi kaunseling dengan praktikal dan diselia dalam teknik psikologi kaunseling. Di peringkat sarjana, pelajar menyediakan perkhidmatan terapeutik kepada individu dan kumpulan apabila mereka mengalami masalah psikologi. Semasa anda berusaha untuk melengkapkan program ini, anda akan mempelajari peraturan yang berkenaan, terapi kanak-kanak dan remaja, teori kaunseling, piawaian etika, terapi kumpulan, terapi perkahwinan dan keluarga, hubungan pesakit/kaunselor, kaedah dan prosedur ujian dan penilaian serta terapeutik strategi intervensi. Anda juga akan berpeluang menimba pengalaman berharga melalui amalan kaunseling yang diselia.

Counselling Psychology program is designed to provide students with a foundation in theories and methods of counselling psychology with practical, supervised training in counselling psychology techniques. At master level, students provide therapeutic services to individuals and groups when they are experiencing psychological problems. As you work to complete this program you will study applicable regulations, child and adolescent therapy, counselling theory, ethical standards, group therapy, marital and family therapy, patient/counselor relationships, testing and assessment methods and procedures and therapeutic intervention strategies. You will also have the opportunity to gain valuable experience through supervised counselling practice.

✓ **Kepakaran / Experts**

Dr. Chong Sheau Tsuey

Kaunseling kerjaya, pembangunan belia & modal sosial.

Dr. Nasrudin Subhi

Psikologi kaunseling, LGBT, belia berisiko, komuniti orang asli, kajian kualitatif.

Dr. Salina Nen

Kaunseling, Belia Berisiko Tinggi, Penderaan Seksual, Pemulihan Penyalahgunaan Bahan dan Jenayah.

Dr. Muhammad Ajib Abd Razak

Psikologi Kaunseling, Kaunseling Keluarga dan Pasangan, Pemulihan dan Kaunseling Ajaran Sesat Islam.

Dr. Mohd Haikal Anuar bin Adnan

Psikologi Kaunseling, Ekologi Keluarga.

Najwa Afiqa Roshazad

Psikologi Kaunseling.

Dr. Chong Sheau Tsuey

Career Counselling, Youth development, Social Capital.

Dr. Nasrudin Subhi

Counselling psychology, LGBT, at-risk youth, indigenous community, qualitative study.

Dr. Salina Nen

Counselling, High-Risk Youth, Sexual Abuse, Substance Abuse Rehabilitation and Crime.

Dr. Muhammad Ajib Abd Razak

Counselling Psychology, Family and Couple Counselling, Rehabilitation and Counselling Islamic Heresy.

Dr. Mohd Haikal Anuar bin Adnan

Counselling Psychology, Family Ecology.

Najwa Afiqa Roshazad

Counselling Psychology.



✓ **Impak Komuniti / Community Impact**

Perkhidmatan Kesihatan Mental /
Mental Health Services

Penyelidikan dan Penerbitan /
Research and Publications

Rangkaian Komuniti /
Community Outreach

Melatih Profesional Masa Depan /
Training Future Professionals

Kerjasama Antarabangsa /
International Collaboration

✓ **Prospek Kerjaya / Career Prospect ?**

Jawatan kaunselor dengan bidang kepakaran berikut /
Counselors position with these expertise:

Kesihatan mental / *Mental Health*

Kerjaya / *Career*

Perkahwinan / *Marriage*

Keluarga / *Family*

Koreksional & Pemulihan / *Correctional & Rehabilitation*

Bimbingan & Kaunseling di sekolah /
School Guidance & Counselling



Psikologi Perkembangan

Developmental Psychology

Sarjana Sains Sosial / Master of Social Sciences

✔ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Bidang psikologi perkembangan semakin mendapat tempat dan permintaan dalam masyarakat hari ini kerana semakin diperlukan dalam sektor awam dan swasta. Ahli psikologi perkembangan boleh menjalankan penilaian perkembangan kognitif, perkembangan kemahiran motor, perkembangan emosi, ketidakupayaan pembelajaran, kelewatan perkembangan, kurang upaya intelek, disleksia, dyscalculia, ADHD dan autisme. Graduan psikologi perkembangan juga mempunyai kompetensi dalam menjalankan intervensi dan terapi ke atas kanak-kanak berkeperluan khas, remaja berisiko dan warga emas yang sedang melalui proses penuaan. Mereka diperlukan di pusat intervensi krisis, pusat pemulihan, institusi penyelidikan, institusi pendidikan, pusat penjagaan, klinik, hospital dan NGO.

The field of developmental psychology is gaining ground and demand today. Graduates in the field of developmental psychology are increasingly needed in the public and private sectors. Developmental psychologists can conduct assessments of cognitive development, motor skill development, emotional development, learning disabilities, developmental delays, intellectual disabilities, dyslexia, dyscalculia, ADHD, and autism. Developmental psychology graduates also have competence in carrying out interventions and therapy on children with special needs, at-risk teenagers and elderly people who are going through the aging process. They are needed in crisis intervention centers, rehabilitation centers, research institutions, educational institutions, care centers, clinics, hospitals, and NGOs.

✔ Prospek Kerjaya / Career Prospect ?

Ahli terapi perkembangan / *Developmental therapist*

Pegawai psikologi / *Psychology officer*

Pegawai penyelidikan / *Research officer*

Pegawai pembangunan masyarakat / *Community development officer*

Pengusaha pusat penjagaan kanak-kanak / *Child-care center operators*

Pengusaha pusat penjagaan warga emas / *Elderly care center operators*

Pengusaha pusat terapi / *Therapy center operator*

Pengusaha pusat perkembangan / *Development center entrepreneur*

Pengusaha pusat pendidikan awal kanak-kanak / *Entrepreneurs of early childhood education centers*

Pensyarah / *Lecturer*

Jurulatih / *Trainer*

✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Ahli psikologi perkembangan memberi tumpuan kepada pertumbuhan manusia dan perubahan sepanjang hayat termasuk pertumbuhan fizikal, kognitif, sosial, intelek, personaliti dan emosi. Ahli psikologi perkembangan membantu kanak-kanak dan remaja yang menghadapi cabaran yang berkaitan dengan kematangan fizikal, kognitif atau psikologi. Pakar psikologi perkembangan boleh memainkan peranan penting untuk mendiagnosis masalah pembelajaran dan membantu klien menghadapi dan mengurus cabaran yang berkaitan pembelajaran, tingkah laku, komunikasi dan fungsi sosial.

Pengurus perdagangan antarabangsa / *International trade manager*

Pekerja sektor swasta / *Private sector*



✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Program ini telah menarik minat sejumlah besar pemohon yang berasal dari perkhidmatan awam dan pelajar siswazah dari pelbagai aliran. Ianya kini menjadi program kegemaran dalam kalangan pegawai pertengahan daripada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi kerajaan lain sebagai batu loncatan untuk meningkatkan tangga kerjaya. Program ini juga telah berjaya menarik pelajar antarabangsa daripada Brunei, Jepun dan Indonesia. Silibus kursus merangkumi kajian keselamatan tradisional dan bukan tradisional termasuk di peringkat tempatan dan antarabangsa, yang dapat memberikan pelajar peluang untuk meneliti isu keselamatan Malaysia dan kebimbangan strategik utama di seluruh dunia.

This programme has attracted a considerable number of applicants hailed from the public service and graduate students from various streams. It has now become a favorite programme among the mid-career officers from the National Security Council, Ministry of Foreign Affairs, Ministry of Home Affairs, the Royal Malaysian Police (RMP) and other governmental agencies as a stepping stone to climb up their career. This program has also successfully attracted international students from Brunei, Japan and Indonesia. The course syllabus includes local and international dimensions of traditional and non-traditional security studies, providing students with the opportunity to scrutinize Malaysian security issues and key strategic concerns around the world.



✓ Kepakaran / Experts

Prof. Dr. Zarina@Zairina Othman

Asia Timur - Keselamatan insan, isu keselamatan bukan tradisional, keselamatan serantau

Prof. Dr. D. Ravichandran Moorthy

ASEAN, Asia Selatan & Indian Ocean - Bioetika, keselamatan serantau, keselamatan air dan keselamatan alam sekitar

Dr. Marina Abdul Majid

Asia Europe Meeting, Asia Tenggara - Undang-undang antarabangsa bioteknologi, undang-undang antarabangsa alam sekitar (Konvensyen Basel, Protokol Cartagena berkenaan Biokeselamatan, CITES, ITTA), undang-undang antarabangsa kesihatan (khususnya International Health Regulations 2005), biosekuriti, bioterrorisma, peperangan biologi, biokeselamatan, International Sustainable Development Law, Environmental Justice, akses dan perkongsian manfaat (ABS), harta kebudayaan (cultural property), keselamatan insan, 3D bioprinting & keselamatan, kecerdasan pembuatan dan keselamatan

Dr. Chin Kok Fay

Asia Timur, Cross Strait Relations, Asia Tenggara - Globalisasi ekonomi dan regionalisasi, pembangunan ekonomi dan kewangan Asia Timur, dasar polisi luar ekonomi, keselamatan makanan, keselamatan air dan keselamatan kesihatan

Dr. Mohd Iqbal Mohd Huda

Asia Timur, Jepun - Ekonomi politik, pengajian keselamatan, dasar luar (Overseas Development Assistance)

Dr. Nurhidayu Rosli

Prof. Dr. Zarina@Zairina Othman

East Asia - Human Security, non-traditional security issues, regional security

Prof. Dr. D. Ravichandran Moorthy

ASEAN, South Asia & Indian Ocean - Bioethics, regional security, water security and environmental security

Dr. Marina Abdul Majid

Asia Europe Meeting (ASEM), Southeast Asia - International law of biotechnology, international environmental law (Basel Convention, Cartagena Protocol on Biosafety, CITES, ITTA), international health law (in particular International Health Regulations 2005), biosecurity, bioterrorism, biological warfare, biosecurity, International Sustainable Development Law, Environmental Justice, access and benefit sharing (ABS), cultural property, human security, 3D bioprinting & security, artificial intelligence and security

Dr. Chin Kok Fay

East Asia (especially Taiwan), Cross Strait Relations, Southeast Asia - Economic globalization and regionalization, East Asian economic and financial development, foreign policy, food security, water security and health security

Dr. Mohd Iqbal Mohd Huda

East Asia, Japan - Political economy, security studies, foreign policy (Overseas Development Assistance)

Dr. Nurhidayu Rosli

✓ **Impak Komuniti / Community Impact**

Menerapkan ilmu bahawa pengajian keselamatan amatlah luas dan bukan hanya ditumpukan kepada isu pertahanan, suatu isu keselamatan tradisional semata-mata tetapi pengajian keselamatan lebih luas dan memberikan impak kepada komponen-komponen keselamatan insan seperti keselamatan makanan, keselamatan alam sekitar, keselamatan politik, keselamatan komuniti, keselamatan individu, keselamatan kesihatan, keselamatan ekonomi, keselamatan sosial dan juga keselamatan kebudayaan. Tumpuan kepada isu keselamatan bukan tradisional yang lain seperti keselamatan siber, biosekuriti, keselamatan tenaga dan keselamatan air juga menunjukkan pendekatan multidisiplin program ini yang boleh menggalakkan kerjasama merentasi disiplin bersama fakulti yang lain dan juga menggalakkan penglibatan sektor swasta untuk menyertai program sarjana ini. Secara umumnya, fokus ilmu pengajian keselamatan yang amat luas boleh memberikan manfaat kepada penjawat awam dan swasta di Malaysia khususnya bagi mereka yang berkhidmat di sektor keselamatan.

To instill the knowledge that security studies is very broad and not only focused on defense issues, a purely traditional security area but security studies is much broader and has an impact on the components of human security such as food security, environmental security, political security, community security, individual security, health security, economic security, social security and also cultural security. The focus on other non-traditional security issues such as cyber security, biosecurity, energy security, and water security also demonstrates the multidisciplinary approach of this program which can encourage cross-disciplinary collaboration with other faculties and also encourage the involvement of the private sector to participate in this master's program. In general, the broad focus of security studies can provide benefits to the public and private sectors in Malaysia, especially for those who serve in the security sector specifically.

Pembabaitan para pelajar melalui pengalaman praktikal sewaktu menjalankan tugas sesuatu kursus boleh mendedahkan mereka kepada isu-isu yang diketengahkan oleh pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menguruskan sesuatu krisis dan bencana agar menyedarkan mereka berkenaan masalah yang dihadapi oleh komuniti tempatan dan antarabangsa dan bertindak demi menjadi suatu masyarakat yang prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik.

The involvement of the students through practical experience while carrying out assignments for a course can expose them to the issues highlighted by Non-Governmental Organizations (NGOs) in managing a crisis and disaster in order to make them aware of the problems faced by local and international communities and to act as a caring society that pays attention to the less fortunate.





Komunikasi

Communication

Doktor Falsafah / Doctor of Philosophy

✔ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Program pascasiswazah dalam bidang komunikasi di UKM merupakan antara program yang mempunyai permintaan tinggi di institusi ini. Pelajar didedahkan dengan pelbagai asfah komunikasi, perspektif dan metodologi sepanjang pengajian mereka dengan peluang untuk turut bersama di dalam aktiviti penyelidikan dan praktikal ahli fakulti. Perjalanan pembelajaran anda akan dimudahkan dengan adanya kekuatan komuniti yang sedia ada di dalam pusat penyelidikan ini.

The graduate programmes in communication at UKM are programmes high in demand. Students are exposed to various schools of thought, perspectives and methodologies throughout their study, with opportunities to participate in the on-going research and practical activities of our esteemed faculty. There is a strong sense of community at the research center, making the learning journey a little less challenging.

✔ Prospek Kerjaya / Career Prospect ?

Graduan di dalam bidang ini berpeluang untuk bekerja serta menyumbang kepada bidang akademik dan penyelidikan. Kekuatan yang dibina sepanjang program ini diaplikasikan dalam pelbagai konteks akademik, penyelidikan dan industri yang berbeza termasuk kesihatan, politik, pendidikan dan perniagaan.

Melalui kursus yang komprehensif, projek penyelidikan kolaboratif, serta peluang pengajaran, anda akan dilengkapi untuk menjadi seorang pengamal atau penyelidik komunikasi yang kritikal, bersedia untuk masa depan dalam bidang akademik, industri, kerajaan, atau organisasi bukan kerajaan.

Anda akan bekerjasama dengan rakan sejawat dan ahli fakulti kami untuk membangunkan pendekatan rentas disiplin yang inovatif untuk menyelesaikan cabaran sosial dan organisasi. Selain itu, anda juga akan membangunkan satu rangkaian hubungan profesional yang global dan membentuk hubungan bersama pakar lain dalam bidang anda.

Many of our graduates continue to work and contribute to academia and research. The strengths cultivated throughout the programme are applied in various different academic, research and industry contexts including health, politics, education and business.

Through rigorous coursework, individual and collaborative research projects, and teaching opportunities, you will develop into a critical practitioner or researcher of communication, prepared for a future in academia, industry, government, or non-governmental organisations.

You will collaborate with your peers and our renowned faculty to develop innovative, cross-disciplinary approaches to solving pressing societal and organisational challenges. Additionally, you will develop a global, permanent network of professional relationships with other experts in your field.



✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Program komunikasi di UKM ini bukan sahaja memfokuskan kepada bidang penyelidikan yang mutakhir dan berimpak tinggi, namun ia turut menyediakan para pelajarnya dengan keupayaan teoretikal, metodologi dan praktikal melalui kursus program.

Para pelajar akan didedahkan dengan budaya penyelidikan dan penerbitan yang merupakan antara fokus utama para fakulti kami. Pelajar juga akan berupaya untuk membentuk kemahiran penulisan mereka di samping berpeluang untuk menghadiri persidangan antarabangsa bagi membentangkan dapatan penyelidikan mereka.

The communication programmes in UKM not only focus on cutting-edge and high-impact research areas, but also equip its students with theoretical, methodological and practical capabilities through the required coursework.

Students will be exposed to the culture of research and publication, which are among the primary focuses of our faculty. They will also have the opportunity to furnish their writing skills alongside the chance to attend international conferences to present their research findings.

✓ Kepakaran / Experts

Kluster Pemerkaasan Literasi Media & Kandungan Digital
Media Literacy Empowerment & Digital Content Cluster

Prof. Madya Dr. Jamaluddin Aziz / Assoc. Prof. Dr. Jamaluddin Aziz

Prof. Madya Dr. Normah Mustaffa / Assoc. Prof. Dr. Norma Mustafa

Prof. Madya Dr. Mohd. Nor Shahizan Ali / Assoc. Prof. Dr. Mohd. Nor Shahizan Ali

Prof. Madya Dr. Sabariah Mohamed Salleh / Assoc. Prof. Dr. Sabaria Mohamed Salleh

Dr. Mohd Azul Mohamad Salleh

Dr. Shahrul Nazmi Sannusi

Dr. Hasrul Hashim

Dr. Nurzihan Hassim

Kluster Komunikasi untuk Perubahan
Communication for Change Cluster

Prof. Madya Dr. Emma Mohamad / Assoc. Prof. Dr. Emma Mohamad

Prof. Madya Dr. Abdul Latiff Ahmad / Assoc. Prof. Abdul Latiff Ahmad

Dr. Maizatul Haizan Mahbob

Dr. Muhammad Adnan Pitchan

Dr. Arina Anis Azlan

Dr. Ammar Redza Ahmad Rizal

Dr. Shamsiah Abdul Kadir

Dr. Kho Suet Nie



✓ Impak Komuniti / Community Impact

Program media dan komunikasi di UKM memacu kecemerlangan akademik dan peningkatan masyarakat, memupuk pasukan cendekiawan yang berdedikasi untuk menjana maklumat yang berimpak dalam landskap komunikasi moden. Melalui gabungan penyelidikan dan penglibatan praktikal, graduan kami dilengkapi dengan kebolehan untuk menganalisis dan menangani cabaran komunikasi kompleks dalam fabrik masyarakat yang sedang berkembang.

Program kami adalah saluran untuk memupuk dialog termaklum dan meningkatkan literasi media, seterusnya memupuk komuniti yang terhubung dan diperkasa. Dengan mendalami kepelbagaian interaksi antara media, komunikasi dan ruang awam, graduan kami mampu memacu perubahan transformatif, merapatkan jurang dalam pemahaman dan memupuk masyarakat bermaklumat. Melalui usaha ilmiah mereka, pelajar menyumbang kepada bidang melalui ilmu yang mempunyai impak ketara kepada komuniti, memudahkan pemahaman dan penglibatan yang lebih bernuansa dalam masyarakat.

The media and communication programmes at UKM are poised at the nexus of academic excellence and societal betterment, fostering a team of scholars dedicated to generating impactful insights into the modern communication landscape. Through a blend of rigorous research and practical engagement, our graduates are equipped to analyse and address the complex communication challenges that permeate our evolving societal fabric.

Our programmes are a conduit for fostering informed dialogues and enhancing media literacy, thereby nurturing a more connected and empowered community. By delving into the multifaceted interactions between media, communication, and the public sphere, our graduates are positioned to drive transformative change, bridging gaps in understanding and fostering an informed society. Through their scholarly endeavors, students contribute to a body of knowledge that has tangible impact across our community, acilitating a more nuanced understanding and engagement in society.



PROSPEKTUS

FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN | UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**Program Siswazah
2024/2025**

Program Bersama

Program yang ditawarkan



Sarjana Sains Sosial (Pengajian Pertahanan) UKM-MPAT

Master of Social Sciences (Defence Studies) UKM-MPAT

✓ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Program ini adalah kursus karier kepada pegawai-pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia dan antarabangsa, serta pegawai-pegawai kanan daripada perkhidmatan keselamatan lain di Malaysia. Kemasukan pelajar ditentukan secara bersama di antara Maktab Pertahanan Angkatan Tentera Malaysia dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

This programme is a career course for the Malaysian Armed Forces, its international counterparts, and other senior security personnel in Malaysia. The intake was jointly decided by the Malaysian Armed Forces Defence College and the Faculty of Social Sciences and Humanities.

✓ Prospek Kerjaya / Career Prospect ?

Sebagai sebuah kursus karier jangka panjang, pelajar program ini didedahkan dengan ilmu pertahanan dan keselamatan di peringkat nasional, serantau dan global untuk mentransformasi kemampuan, pengetahuan dan pemikiran para pelajar dari peringkat operasi ke peringkat strategik. Para pelajar berpeluang untuk di naikkan ke peringkat kepengarahannya selepas graduasi.

As a long-term career course, students are exposed to defense and security sciences at the national, regional and global levels in transforming their knowledge, skills and ability from the operational to the strategic level. The graduates would have the opportunity to be promoted to the directorate level upon their graduation.

✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Program ini adalah program kerjasama di antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) sejak awal 1980an. Tenaga akademik kebanyakannya adalah dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan institusi penyelidikan di dalam UKM dengan kerjasama pakar-pakar bidang daripada beberapa buah universiti lain. Dari semasa ke semasa, pakar-pakar kajian strategik, pertahanan dan keselamatan dari dalam dan luar negara dalam kalangan akademik dan agensi keselamatan dijemput ke UKM-MPAT untuk memberi kuliah sebagai nilai tambah kepada para peserta kursus.

This programme is a joint-programme between the National University of Malaysia (UKM) and the Malaysian Armed Forces Defence College (MAFDC) since early 1980s. Most of its academic staff are from the Faculty of Sciences and Humanities and other research institutes in UKM in collaboration with other universities in Malaysia. From time to time, leading experts and authorities in defense, security and strategic studies in Malaysia and overseas are invited to give lectures and seminars, in adding values among the course participants.

✓ Kepakaran / Experts

Prof. Dr. Zarina Othman

Prof. Dr. D.Ravichandran K.Dhaksinamoorthy

Prof. Dr. Sity Daud

Prof. Dr. Zakaria Hj. Abdullah

Prof. Dr. Kartini Aboo Talib@Khalid

Prof. Dr Salawati Mat Basir

Prof. Madya Dr. Andrew Kam Jia Yi

Dr. Abdul Muein Abadi

✓ Impak Komuniti / Community Impact

Program ini menyediakan asas-asas strategi dalam mentransformasi pegawai-pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia dan antarabangsa, serta institusi-institusi keselamatan lain di Malaysia ke peringkat kepengarahan. Ia membantu dalam membina modal insan negara ke tahap tertinggi di dalam bidang pengajian pertahanan dan keselamatan.

This programme provides the strategic foundation in transforming the senior officers in the Malaysian Armed Forces and its international counterparts, as well as in other security institutions in Malaysia, from the operational to the directorate level. It helps in building advanced human resources in the field of defense and security studies, nationally.



Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah)

Master of Social Sciences (Corruption Studies)

✓ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Kurikulum dalam program ini memenuhi asas teori perlakuan rasuah dan salah guna kuasa.

The curriculum in this program meets the basics theory of corruption and abuse of power.

Kurikulum dalam program ini telah memenuhi isu dan kehendak semasa serta boleh diaplikasikan.

The curriculum in this program has met current issues and needs and can be applied.

Program ini bersesuaian dengan penjawatan dan pengetahuan yang ada dalam kalangan pelajar.

This program is compatible with the placement and knowledge available among students.

✓ Prospek Kerjaya / Career Prospect ?

Kursus ini ditawarkan kepada kakitangan Jabatan Kerajaan seperti SPRM, KASTAM, PDRM, IMIGRESEN dan lain-lain yang perkhidmatan. Kursus ini dapat meningkatkan pengetahuan pelajar serta memudahkan mereka untuk pencalonan kenaikan pangkat.

This course is offered to employees of Government Departments such as MACC, CUSTOMS, PDRM, IMIGRESEN, and others. This course can improve students' knowledge and make it easier for them to be nominated for promotion.

✓ Kepakaran / Experts

Dato' Sri Akhbar Satar

Help University Professional Chair, Director Institute of Crime & Criminology, Help University

Dato' Alias

Ketua Pengarah SPRM Cawangan Selangor

Assoc. Professor Dato' Dr. Sundramoorthy Pathmanathan

✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Program ini merupakan program bersama antara UKM dan SPRM yang berhasrat untuk melahirkan siswazah yang menguasai ilmu pencegahan rasuah, berfikiran kritikal dan mempunyai sikap serta kemahiran menyelidik dan berkeupayaan mengaplikasikannya dalam bidang pekerjaan.

This program is a joint program between UKM - MACC that aims to produce graduates who master the knowledge of anti-corruption, think critically, and have the attitude and skills to research and be able to apply it in the field of work.

✓ Impak Komuniti / Community Impact

Mengetahui bahawa rasuah adalah perosak dan punca kejatuhan ekonomi pada sesebuah negara.

Knowing that corruption is a pest and the cause of economic collapse in a country.

Boleh meningkatkan kepimpinan pelajar untuk membimbing komuniti ditempat kerja dan ditempat awam tentang pencegahan rasuah dan salah guna kuasa.

Can improve student leadership to guide the community at work and in public places about preventing corruption and abuse of power.

Meningkatkan keupayaan dan keyakinan untuk bertindak bersama jabatan dalam usaha mencegah perlakuan rasuah dan salah guna kuasa dalam jabatan.

Increase the ability and confidence to act together with the department in an effort to prevent corruption and abuse of power in the department.



Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisan)

Master of Social Sciences (Policing Studies)

✓ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Program pengajian pascasiswazah dalam bidang Pengajian Kepolisan pertama yang memiliki MOA bersama PDRM di Malaysia.

The first postgraduate study programme in Malaysia to have a MOA with PDRM is in the discipline of Policing Studies.

Pengajian melibatkan dua kepakaran iaitu kepakaran dalam bidang kepolisan (Maktab PDRMKL) dan kepakaran akademik (Kampus UKM Bangi)

Co-policing expertise (Maktab PDRMKL) and academic expertise (UKM Bangi Campus) are two specialties that are involved in the study.

✓ Prospek Kerjaya / Career Prospect ?

Semua pelajar yang memilih program ini adalah terdiri daripada pegawai kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

All students who take this programme are senior officers of the Royal Malaysian Police (PDRM), Royal Malaysian Air Force (TUDM), and Royal Malaysian Navy (TLDM).

✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Program kerjasama antara pihak Universiti Kebangsaan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia dengan memfokuskan kepada Pengajian Kepolisan kepada pegawai kanan PDRM.

A collaboration program between the National University of Malaysia and the Royal Malaysian Police by focusing on Policing Studies for senior PDRM officers.

Program ini memberi ruang dan peluang kepada pegawai kanan PDRM untuk meningkatkan tahap akademik masing-masing di samping untuk peluang laluan peningkatan kerjaya di dalam organisasi PDRM

Senior PDRM officers participating in this programme will have the opportunity to better their academic standing and progress their careers within the PDRM organization.

✓ Kepakaran / Experts

Para tenaga pengajar terdiri daripada gabungan pegawai kanan polis di Maktab PDRMKL dan juga tenaga akademik yang kepakaran bidang adalah terarah kepada kriminologi, sosiologi, psikologi pekerjaan dan lain-lain bidang berkaitan ilmu kepolisan

Senior police officers at the PDRMKL College and academic professionals in UKM with an emphasis on criminology, sociology, occupational psychology, and other fields connected to police science make up the teaching staff.

✓ Impak Komuniti / Community Impact

Menghasilkan pegawai polis yang berpengetahuan tinggi penting bagi memastikan mereka dapat memberikan khidmat yang cemerlang kepada masyarakat dan dapat memastikan keselamatan awam terpelihara.

Producing highly knowledgeable police officers is important to ensure they can provide excellent service to the community and ensure public safety is maintained.



Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial

Social Work Postgraduate Diploma (Social Work PGDip)

✔ Mengapa memilih program ini? / Why choose this program?

Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial adalah kelayakan akademik dan profesional yang menawarkan laluan kerjaya sebagai pekerja sosial profesional. Program ini selaras dengan piawaian Kompetensi Kerja Sosial Kebangsaan (2010). Kurikulum yang direka bentuk menepati piawaian Kementerian Pengajian Tinggi dan telah berdaftar di bawah piawaian Agensi Kelayakan Malaysia.

Social Work PGDip is an academic and professional qualification that offers an accelerated route to becoming a professional social worker. This program is aligned with the National Competency Standards for Social Work Practice (2010). The curriculum design met the standards of the Ministry of Higher Education and registered under Malaysian Qualifications Agency standards.

Program ini dikategorikan sebagai pengajian aras 7. Program ini memberi peluang kepada individu yang ingin bekerja dalam bidang kebajikan dan perkhidmatan sosial, serta individu yang sedang bekerja dalam bidang perkhidmatan sosial tetapi tiada kelayakan dalam kerja sosial. Program ini menyediakan latihan khusus dalam bidang kerja sosial, termasuklah pengetahuan, prinsip dan kemahiran yang khusus berkaitan amalan kerja sosial.

This program is classified as education level 7. This program provides opportunities for individuals aspiring to work in social welfare and service settings, as well as those currently employed in social service settings without formal qualifications in social work. This program provides specialized training in the field of social work, including knowledge, principles and skills specifically related to social work practice.

✔ Prospek Kerjaya / Career Prospect ?

Graduan yang memperoleh Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial adalah layak untuk bekerja sebagai pekerja sosial dalam pelbagai set perkhidmatan sosial, seperti hospital, agensi kebajikan masyarakat, penjara, pusat pemulihan, pusat kesihatan mental, organisasi masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan.

Graduates with PGDip Social Work are eligible to work as social workers in a variety of social service settings, such as hospitals, social welfare agencies, prisons, rehabilitation centers, mental health centers, community organizations, and non-governmental organizations.

Jika graduan sudah bekerja dalam set perkhidmatan sosial atau mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang kerja sosial, program ini boleh menjadi laluan kepada perkembangan kerjaya. Ini akan membuka peluang untuk memegang jawatan yang lebih tinggi atau melaksanakan peranan yang memerlukan kepakaran lanjutan dalam kerja sosial.

If graduates already work in social service settings or have a bachelor's degree in social work, this program can be a means of career advancement. It can open up opportunities for higher-level positions and roles that require advanced expertise in social work.

Program ini memberi laluan untuk melanjutkan pengajian pada peringkat sarjana dan PhD. Ia menawarkan laluan strategik untuk individu yang ingin membuat pengkhususan tertentu dalam bidang kerja sosial, atau meneruskan kerjaya dalam bidang penyelidikan, akademik, atau gabungan kedua-duanya.

This program can serve as a stepping stone to a master's and PhD degrees. It offers a strategic pathway for individuals to specialize in specific areas of social work, or pursue careers in research, academia, or a combination of both.



✓ Keunikan Program / Highlight of this program

Program ini menyediakan pendidikan dan latihan yang diperlukan untuk kelayakan profesional yang membolehkan graduan menjalankan praktis sebagai pekerja sosial. Program ini selaras dengan piawaian Kompetensi Kerja Sosial Kebangsaan (2010).

This program provides the necessary education and training for professional accreditation, allowing graduates to practice as social workers. This program aligned with the National Competency Standards for Social Work Practice (2010).

Individu akan dilatih dengan menggunakan pendekatan pembelajaran interaktif, termasuklah pembelajaran berasaskan masalah, role-play, bengkel interaktif, sumber e-pembelajaran dan pengalaman praktikal secara langsung. Pengalaman praktikal ini akan dijalankan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan.

Individuals will be trained using interactive teaching approaches, encompassing problem-based learning, role-play, interactive workshops, e-learning resources, and hands-on practical experiences. This practical experience will be conducted in collaboration with non-governmental organizations.

Program ini menyediakan mod pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel bagi memenuhi keperluan individu yang mempunyai banyak kekangan masa. Hal ini termasuklah perancangan jadual kuliah pada luar waktu pejabat dan hujung minggu, serta pembelajaran jarak jauh. Selain itu, program ini membenarkan pelajar untuk menjalani latihan industri dalam set organisasi semasa mereka. Pendekatan pembelajaran juga boleh diselaraskan mengikut keperluan khusus organisasi tertentu .

This program provides flexible teaching and learning options to facilitate individuals with varied time constraints. These include lectures scheduled outside regular office hours and on weekends, as well as remote learning. Additionally, the program permits participants to undertake internships within their current organizational context. The teaching approaches can be tailored to align with the specific requirements of the particular organization.



✓ Impak Komuniti / Community Impact

Peningkatan Kompetensi Profesiona / Enhanced Professional Competence

Perkhidmatan yang mengkhusus / Specialized Services

Advokasi berkesan / Effective Advocacy

Outreach pendidikan / Educational Outreach

Kompetensi budaya / Cultural Competence

Dr. Norulhuda Sarnon@Kusenin

Pengurusan kes Kerja Sosial, intervensi individu dalam krisis dan keluarga disfungsi.

Prof. Madya Datin Dr. Fauziah Ibrahim

Penagihan Semula Dadah, Pembangunan Komuniti dan Pencegahan Jenayah.

Prof. Madya Dr. Khadijah Alavi

Penjagaan Warga Emas, Gerontologi, Pembangunan Komuniti, Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional.

Prof. Madya Dr. Mohd. Suhaimi Mohamad

Kerja Sosial Klinikal, Kesihatan Mental dan Pembangunan Komuniti.

Prof. Madya Dr. Nur Saadah Mohamad

Kerja Sosial Kesihatan, Penjagaan Sosial, Kebajikan Sosial dan Dasar Sosial

Dr. Nor Jana Saim

Kerja Sosial dan Remaja, Ibu Tanpa Nikah/Kehamilan Remaja, Analisis Naratif.

Dr. Ezarina Zakaria

Praktis Kerja Sosial dalam Pencegahan HIV/AIDS dan Penagihan Dadah, Kumpulan Marginal, dan Kajian Kesan Sosial HIV/AIDS.

Dr. Noremy Md. Akhir

Kerja Sosial dan Pengurusan Bencana, Resiliensi, Pemerkasaan Komuniti dan Kajian Kualitatif.

Dr. Aizan Sofia Amin

Kajian Disabiliti (Orang Kurang Upaya), Kerja Sosial dan Psikologi Kaunseling.

Dr. Nazirah Hassan

Sistem Keadilan Jenayah, Delinkuensi Juvana, Buli, Tingkahlaku Agresif dan Keganasan, Seksualiti di Penjara.

Dr. Surendran Rajaratnam

Gender, Pemerkasaan Wanita, Komuniti Perikanan, Pelarian dan Pencari Suaka.

Dr. Azahah Abu Hassan Shaari

Kerja Sosial Forensik, Sistem Kehakiman Jenayah, Strategi Pencegahan dan Pengurangan Jenayah, Kesihatan Mental dan Penyalahgunaan Bahan, Keadilan Restoratif, Keganasan Rumah Tangga dan Serangan Seksual.

Dr. Norulhuda Sarnon@Kusenin

Social work case management, intervention for individual and families.

Assoc. Prof. Datin Dr. Fauziah Ibrahim

Drug Relapse, Community Development and Crime Prevention.

Assoc. Prof. Dr. Khadijah Alavi

Care for the Elderly, Gerontology, Community Development, Skills and Vocational Trainings.

Assoc. Prof. Dr. Mohd. Suhaimi Mohamad

Social Work Clinical, Mental Health and Community Development.

Assoc. Prof. Dr. Nur Saadah Mohamad

Health Social Work, Social Care, Social Welfare, and Social Policy.

Dr. Nor Jana Saim

Social Work and Teenagers, Unwed Mothers/Teenage Pregnancy, Narrative analysis.

Dr. Ezarina Zakaria

Social Work Practice in HIV/AIDS and Drug Addiction Prevention, Marginalised Groups and HIV/AIDS Social Impact Study.

Dr. Noremy Md. Akhir

Social Work and Disaster Management, Resiliency, Community Empowerment, and Qualitative Study.

Dr. Aizan Sofia Amin

Disability Studies, Social Work and Counselling Psychology.

Dr. Nazirah Hassan

Criminal Justice System, Juvenile Delinquency, Bullying, Aggressive Behaviour and Violence, and Prison Sexuality.

Dr. Surendran Rajaratnam


Gender, Women's Empowerment, Fishing Community, Refugees and Asylum-Seekers.

Dr. Azahah Abu Hassan Shaari

Forensic social work, Criminal justice system, Crime prevention and reduction strategies, Mental health and substance abuse, Restorative justice, Domestic violence and sexual assault.

>> Syarat Kemasukan ke Program Sarjana

Entry Requirement for Master's Programmes



- ✓ Seseorang yang ingin memohon untuk mengikuti program sarjana hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

A person who intends to apply for a master's programme should have the following qualifications:



Ijazah Sarjana Muda / Bachelor's Degree

- ✓ Ijazah Sarjana Muda dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang baik dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau mempunyai akreditasi yang diiktiraf oleh Badan Akreditasi luar negara, atau institusi yang mempunyai akreditasi seperti mana yang ditetapkan oleh sesuatu program; **atau**
Bachelor's Degree by obtaining a good Cumulative Grade Point Average (CGPA) from a University or any institution of higher learning recognized by the Malaysian Qualifications Agency (MQA) and/or having accreditation recognized by a foreign Accreditation Body, or institution who has accreditation as prescribed by a programme; OR
- ✓ Ijazah Doktor Perubatan atau Doktor Pergigian dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi atau ijazah yang setaraf dengannya dari mana-mana institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat; **atau**
Doctor of Medicine degree or Doctor of Dental Surgery degree from the University or any institution of higher learning or an equivalent degree from any institutions of higher learning recognised by the Senate; OR
- ✓ Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui Akreditasi Pembelajaran berasaskan Pengalaman Terdahulu (APPT); **atau**
Any other qualification recognised by the Senate obtained through the Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL); OR
- ✓ Memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh program (jika berkenaan); **dan**
Fulfills other requirements prescribed by the programme (if applicable); AND
- ✓ Memenuhi syarat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
Fulfills requirements of the Malaysian Qualifications Agency (MQA).



>> Syarat Kemasukan ke Program Kedoktoran

Entry Requirement for Doctoral Programmes

- ✓ Seseorang yang ingin memohon untuk mengikuti program kedoktoran hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

A person who intends to apply for a doctoral programme should have the following qualifications:



Ijazah Sarjana / Master's Degree

- ✓ Ijazah Sarjana dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau mempunyai akreditasi yang diiktiraf oleh Badan Akreditasi luar negara, atau institusi yang mempunyai akreditasi seperti mana yang ditetapkan oleh sesuatu program; **atau**
Master's Degree from a University or any institution of higher learning recognized by the Malaysian Qualifications Agency (MQA) and/or have accreditation recognized by a foreign Accreditation Body, or an institution with accreditation as prescribed by a programme; OR
- ✓ Kelayakan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana atau mempunyai kelayakan lain dengan pengalaman yang diiktiraf oleh Senat; **atau**
Other qualifications equivalent to a masters degree or other qualifications with experience recognised by the Senate; OR
- ✓ Pelajar yang sedang mengikuti program sarjana di bawah subperaturan 6(a) secara sepenuh masa di Universiti dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti/Institut untuk menukar status kepada program kedoktoran dengan kelulusan Dekan/Pengarah; **atau**
A student currently pursuing full-time master's programme under sub-regulation 6(a) at the University and recommended by the Faculty's/Institute's Graduate Studies Committee for status conversion to a doctoral programme with approval from the Dean/Director; OR
- ✓ Ijazah Sarjana Muda dengan memperoleh keputusan cemerlang dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi tertakluk kepada ketetapan Fakulti/Institut dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau mempunyai akreditasi yang diiktiraf oleh Badan Akreditasi luar negara; **atau**
Bachelor Degree with distinction from the University or any institution of higher learning subject to what is prescribed by the Faculty/Institute and approval by Malaysian Qualifications Agency (MQA); and/or with accreditation recognised by a foreign Accreditation Board; OR
- ✓ Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui Akreditasi Pembelajaran berasaskan Pengalaman Terdahulu (APPT); **atau**
Any other qualification recognised by the Senate obtained through the Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL); OR
- ✓ Memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh program (jika berkenaan); **dan**
Fulfills other requirements prescribed by the programme (if applicable); AND
- ✓ Memenuhi syarat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
Fulfills requirements of the Malaysian Qualifications Agency (MQA).

English Language Proficiency Requirement

- ✓ International students shall fulfil the English language requirements by obtaining IELTS or TOEFL or MUET results or any examination that has been aligned to the Common European Framework of Reference (CEFR) that fulfils the minimum score or band requirements set by their respective programs and approved. by the Senate.
- ✓ An international student who fails to meet the English language competency requirements may be given a conditional offer as follows:

Students are allowed to attend an internal English Preparatory Course at the University with a time limit of a maximum of two (2) years and subject to the regulations of the Malaysian Immigration Department in force; and

International students pursuing an internal English Preparatory Course must sit for the IELTS or TOEFL or MUET examinations or any CEFR-aligned examination to meet the English language competency requirements.


- ✓ The list of examination which has been aligned to CEFR is subject to the list approved by the Senate from time to time.
- ✓ The Faculty/Institute may grant exemptions to the conditions stated in sub-regulations 5(1) and 5(2) to:

International students originating from countries that use English as the official language; or

International students who use academic qualifications from institutions that use English as the medium of instruction and intend to pursue higher studies at the University.

✓ MUET/IELTS/TOEFL UKM

English Competency	CEFR A2	CEFR Low B1	CEFR Mid B1	CEFR High B1	CEFR Low B2	CEFR Mid B2	CEFR High B2	CEFR C1	CEFR C2
IELTS	<4.0	4.0	4.5	5.0	5.5	6.0	6.5	7.0 - 8.0	>8.0
MUET	Band 1	Band 2	Band 2 High	Band 3	Band 3	Band 4	Band 4	Band 5	Band 6
TOEFL iBT	<30	30 - 34	35 - 41	42 - 45	46 - 59	60 - 78	79 - 93	94 - 109	110 - 120
TOEFL pBT	310 - 395	396 - 416	417 - 439	440 - 452	453 - 497	498 - 547	548 - 585	586 - 636	637 - 677
Pearson Test English	-	36	43	47	51	59	63	-	-
Cambridge English Qualification and Test	-	140	147	154	160	169	176	-	-
ENGLISH Level (Proficiency)	Elementary	Lower Intermediate			Upper Intermediate			Advance	
IELTS Indicator	<4.0	4.0	4.5	5.0	5.5	6.0	6.5	7.0 - 8.0	>8.0
TOEFL ITP	337 - 459	460 - 542		543 - 626		627 - 677		-	
Cambridge English Placement Test (CEPT)	20 - 29	30 - 39		40 - 49		50		-	



Selamat Datang ke Join UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mempelawa permohonan untuk mengikuti program pengajian yang ditawarkan. Pengambilan dibuat dua kali setahun iaitu pada Oktober (kemasukan Mac tahun berikutnya) dan April (kemasukan Oktober). Permohonan dibuka sepanjang masa.

UKM mengalu-alukan anda untuk mengikuti program pengajian

1. PascaSarjana (UKM)
2. PascaSarjana
3. Pengajian Jarak Jauh (PJJ/Eksekutif)
4. Pembelajaran Terbuka Dan Jarak Jauh (ODL)

• Bagi program ODL, sila hantarkan permohonan anda di sistem vSPEED

SYARAT PERMOHONAN

SYARAT UMUM KEMASUKAN

SYARAT KEPERLUAN BAHASA INGGERIS

VISA & PAS PELAJAR

>> Cara Permohonan

Application Method

Melalui dalam talian / *Via online*

<https://join.ukm.my/>


Sebarang pertanyaan, sila hubungi / *For more details, please contact :*


Sekretariat Siswazah / *Postgraduate Secretariat*
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK) / *Faculty of Social Sciences & Humanities*
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan

Tel : +603 8921 5144 / 5145 / 4257
Email : shadira@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/fssk

International Students:
Centre for Shaping Advanced and Professional Education
(UKMShape) Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan,

Tel : +603 8927 2112/2129
Email : admission.shape@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/ukmshape





Hubungi FSSK

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

dfssk@ukm.edu.my
+603 8921 5354 (Pejabat Kedekanan)
+603 8921 5144 (Sekreteriat Siswazah)



@ukmfssk @fssktv | @officialfsskukm | @fsskukm